

AMXOL TABLETS/SYRUP

Ambroxol Hydrochloride (30 mg, 30mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan AMXOL
2. Bagaimana AMXOL berfungsi
3. Sebelum menggunakan AMXOL
4. Cara menggunakan AMXOL
5. Semasa menggunakan AMXOL
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan AMXOL
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan AMXOL

AMXOL digunakan untuk penyakit saluran pernafasan terutamanya semasa keradangan dan asma.

Bagaimana AMXOL berfungsi

AMXOL mengandungi ubat yang dipanggil ambroxol hydrochloride. Ia mengurangkan kelikatan kahak dan memudahkan ia diludahkan.

Sebelum menggunakan AMXOL

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan AMXOL dan beritahu doktor jika:

- Anda alah (terlalu sensitif) terhadap ambroxol atau sebarang kandungan AMXOL.
- Anda berada di trimester pertama kehamilan.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil AMXOL jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil AMXOL jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan AMXOL

- Baca seluruh risalah ini dengan teliti sebelum anda mengambil ubat ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau baru-baru menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan AMXOL

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

AMXOL TABLETS: Dewasa dan kanak-kanak lebih daripada 6 tahun: 1 tablet tiga kali sehari semasa rawatan awal.

AMXOL SYRUP:

Dewasa: Satu sudu teh (30mg), 3 kali sehari.

Kanak-kanak lebih daripada 5 tahun: $\frac{1}{2}$ sudu teh (15mg), 2-3 kali sehari.

Kanak-kanak 2 hingga 5 tahun: $\frac{1}{4}$ sudu teh (7.5 mg), 3 kali sehari.

Dos harian boleh ditambah atau diganda jika perlu. Dos yang disyorkan untuk kanak-kanak adalah berdasarkan 1.2 hingga 1.6 mg Ambroxol untuk setiap kg berat badan.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Lakukan ini walaupun tidak ada tandanya ketidaksesuaian atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan AMXOL

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan AMXOL.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi AMXOL dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

AMXOL syrup mengandungi metabisulfite sodium.

Pengambilan boleh menyebabkan kerengsaan gastrik, pengambilan jumlah besar metabisulfite sodium boleh menyebabkan gangguan gastrousus, kegagalan peredaran darah dan gangguan sistem saraf pusat.

Rawatan dengan AMXOL akan menyababkan peningkatan aliran rembesan.

Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, AMXOL boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan gastrousus mungkin berlaku sekali-sekala tetapi ia biasanya adalah ringan.

AMXOL boleh menyebabkan alergi dan reaksi kulit yang teruk. Hentikan pengambilan AMXOL dan mendapatkan bantuan perubatan segera jika anda mengalami mana-mana gejala berikut:

- Alergi teruk: kesukaran bernafas, pening kepala, kulit bengkak atau ruam
- Reaksi kulit teruk: kemerahan kulit, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan AMXOL

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di tempat kering pada suhu tidak melebihi 30 °C. Lindungi dari cahaya dan haba yang berlebihan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

- **AMXOL TABLETS:** Bulat, leper, putih, dibahagi dua pada satu permukaan dan dicetak dengan logo Biolab pada permukaan yang satu lagi
- **AMXOL SYRUP:** Larutan jernih tidak berwarna yang berperisa pear.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
- **AMXOL TABLETS:**
Ambroxol Hydrochloride 30 mg/tablet
- **AMXOL SYRUP:**
Ambroxol Hydrochloride 30 mg/5ml
- Bahan tidak aktif

- **AMXOL TABLETS:** Lactose, Tapioca Starch, Purified water, Docusate sodium, Povidone, Sodium starch glycolate dan Magnesium stearate.
- **AMXOL SYRUP:** Menthol, Sodium citrate dihydrate, Citric acid monohydrate, Glycerin, Methylparaben, Pearade flavor, Sorbitol solution 70%, Edetate sodium, Sodium metabisulfite dan Purified water.

- Nombor MAL

- **AMXOL TABLETS:**
MAL19911700X
- **AMXOL SYRUP:**
MAL19911701X

Pengilang

Biolab Co. Ltd
625 Soi, 7A ,Bangpoo Industrial Estate,
Samutprakarn 10280, Thailand

Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec (M) Sdn Bhd
No. 55 & 57, Lorong Sempadan 2,
(Off Boundary Road),
11400 Ayer Itam, Penang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

2.3.2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)170118/00017